

2

SENI PRA-SEJARAH

2.1 PENGENALAN

Melalui hasil kajian dan penemuan terhadap kesan peninggalan dan artifak oleh ahli arkeologi, terdapat bukti bahawa manusia telah wujud di bumi Afrika bermula sekitar 4.4 juta tahun dahulu. Pakar arkeologi menyandarkan kajian berdasarkan penemuan kesan visual dan artifak seperti lukisan gua, batu, arca, megalitik dan peralatan utiliti atau kegunaan harian manusia.

Zaman pra-sejarah melibatkan satu tempoh yang panjang di mana penggunaan batu menjadi bahan utama dalam aktiviti atau peralatan harian dan kehidupan. Zaman ini dinamakan Zaman Batu iaitu merujuk kepada bentuk dan kaedah pembuatan peralatan dan penggunaannya sepanjang tempoh masa tersebut. Manusia pada waktu ini bersandarkan kepada pengalaman daripada persekitaran untuk menghasilkan objek-objek kecil, lukisan gua, arca dan binaan asas.

Zaman Batu daripada sudut antropologi bermula daripada tahun 30,000 SM dan berakhir pada tahun 3,000 SM dan dibahagikan kepada tiga tahap utama berdasarkan tempoh masa yang tertentu seperti berikut:

- Era Paleolitik (Zaman Batu Lama)
- Era Mesolitik (Zaman Batun Pertengahan) dan
- Era Neolitik (Zaman Batu Baru)

Zaman batu berakhir setelah manusia mula menghasilkan dan menggunakan peralatan yang diperbuat daripada bahan logam yang dikenali sebagai Zaman Gangsa dan disusuli Zaman Besi atau Zaman Logam.

2.2 SENI ZAMAN PALEOLITIK

Pada zaman Paleolitik, manusia hidup dalam keadaan berpindah-randah (nomad) dan mereka tidak membina rumah (mereka belum ada pemilikan harta secara kekal). Zaman ini manusia memulakan kehidupan dalam gua atau ruang binaan daripada tulang-temulang binatang untuk dijadikan tempat perlindungan. Mereka berusaha untuk terus hidup dengan berburu dan mengumpul makanan. Batu menjadi alat penting untuk memotong kayu dan daging binatang buruan.

Di zaman ini, mereka tinggal dalam bentuk kumpulan atau berpuak serta berkongsi apa yang diperolehi secara bersama. Merujuk kepada hasil penyelidikan oleh ahli-ahli arkeologi dan antropologi, boleh dirumuskan bahawa pada zaman ini manusia mempunyai ciri-ciri kecenderungan seperti berikut:

- a) kehidupan mereka amat berkaitan dengan aktiviti perburuan binatang serta hasilan arca yang berkonsepkan kesuburan wanita. Umumnya, kebanyakannya adalah bertemakan haiwan dan imej figura wanita.
- b) terdapat amalan untuk menguasai persekitaran mereka seperti unsur-unsur ritual dan magis.
- c) perubahan besar yang ketara terhadap perkembangan yang melibatkan pemikiran kognitif seperti pemahaman, pembelajaran dan mengingati sesuatu.